



Headline: Jururawat kerugian RM7,682 ditipu sindiket Macau Scam

Publication/Portal: Berita Harian

Date: 12 May 2018

Language: Malay

Section: Jenayah

Page: 61

Jururawat kerugian RM7,682 ditipu sindiket Macau Scam

Kuantan: Bimbang ditangkap kerana mempunyai tunggakan bayaran pinjaman, seorang jururawat kerugian RM7,682 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai bank di sini, awal bulan ini.

Mangsa wanita berusia 40 tahun pada mulanya menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai sebuah bank pada 1 Mei lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendant Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata suspek lelaki berkenaan memberitahu mangsa mempunyai tunggakan bayaran pinjaman berjumlah RM3,314 di Alliance Bank Pulau Pinang.

Suspek ugut mangsa

"Suspek kemudian menggugut

mangsa dengan mendakwa sekiranya tidak menjelaskan tunggakan pinjaman itu dengan segera, mangsa akan ditangkap.

"Mangsa diarahkan untuk membuat laporan atas talian dan panggilan disambung ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang dan bercakap dengan seorang wanita yang memperkenalkan sebagai Koperal Isma," katanya ketika dihubungi NSTP di sini, semalam.

Beliau berkata, panggilan berkenaan kemudian disambung kepada suspek ketiga yang memperkenalkan diri sebagai Inspektor Fahdilah Ramli, sebelum meminta mangsa pergi ke mesin juruwang automatik (ATM) terdekat.

"Mangsa mengikut apa yang diminta oleh suspek sebelum memindahkan semua wangnya ke akaun Hong Leong Bank yang diberikan oleh suspek dengan jum-

lah keseluruhan RM7,682.

"Setelah memindahkan wang itu, mangsa menghubungi Alliance Bank dan dimaklumkan tiada pinjaman dibuat di atas namanya.

"Mangsa yang mengesyaki dirinya ditipu kemudian membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan, semalam (kelmarin)," katanya.

Diperdaya sindiket Parcel Scam

Sementara itu, Mohd Wazir berkata, dalam kes berasingan, seorang jurujual wanita berusia 31 tahun kerugian RM3,200 selepas diperdaya sindiket Parcel Scam di sini awal bulan ini.

"Kejadian pada 2 Mei lalu berlaku ketika mangsa menerima panggilan daripada syarikat penghantaran barang yang menyatakan barang kiriman dari luar ne-

gara miliknya sudah sampai di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Mangsa diminta untuk membuat bayaran bagi mendapatkan barang berkenaan. Pada hari yang sama mangsa memindahkan wang sebanyak RM3,200 kepada suspek dalam akaun Maybank yang diberikan kepadanya," katanya.

Beliau berkata, suspek sekali lagi meminta wang kerana mendakwa bungkusan berkenaan mengandungi duit berjumlah USD80,000 (RM316,040) namun mangsa berasa seperti ditipu sebelum membuat laporan polis di IPD Kuantan.

"Kedua-dua kes ini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu dan pihak kami sedang mengesan semua suspek yang terbabit," katanya.



Mangsa wanita berusia 40 tahun pada mulanya menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai sebuah bank pada 1 Mei lalu, memberitahu mangsa ada tunggakan bayaran pinjaman RM3,314 di Alliance Bank Pulau Pinang"

Mohd Wazir Mohd Yusof,
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang